

PENJAWAT AWAM HARUS TERIMA, LAKSANA SETIAP DASAR KERAJAAN - KHAIRY

PUTRAJAYA, 30 April (Bernama) -- Setiap penjawat awam berperanan menerima serta melaksanakan semua dasar kerajaan walaupun dasar itu tidak popular di mata masyarakat, kata Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin.

Menjadikan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) sebagai contoh, beliau berkata penjawat awam perlu terus komited bersama kerajaan bagi mempertahankan dan mempermudah pemahaman masyarakat terhadap pengenalan cukaibaharu itu.

Beliau berkata kerajaan boleh memilih untuk menjadi popular dengan membatalkan pelaksanaannya namun tindakan itu akan mengundang masalah lebih besar iaitu kerajaan kehilangan kepercayaan.

"Sedikit sebanyak pelaksanaan CBP memberi kesan kepada sesetengah orang, itu kita akui tetapi sebagai kerajaan kita tak boleh batalkan pelaksanaannya begitu sahaja. "Cuba anda bayangkan pagi esok perdana menteri keluar dan kata kita mansuhkan CBP. Awak tahu apa akan berlaku...tidak ada sesiapa pun akan percaya kerajaan ini lagi," katanya ketika berucap pada program 'Up Close and Personal With The Minister' anjuran Razak School of Government (RSOG) di sini hari ini.

Sesi julung kali melibatkan seorang menteri itu dihadiri lebih 100 tetamu terdiri daripada pengurusan tertinggi kementerian dan agensi, pegawai-pegawai daripada Jawatankuasa Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) Muda serta wakil Persatuan PTD.

Pelaksanaan CBP pada kadar enam peratus mula dikuatkuasakan pada 1 April lepas bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang kadarnya 16 peratus. Khairy turut merakamkan penghargaan kepada Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan yang komited memberi penjelasan berhubung CBP dan kebaikannya walaupun sering diserang dengan pelbagai kritikan.

"Jangan lihat kenyataan saya ini sebagai mempertahankan Ahmad tetapi apa yang ingin disampaikan ialah sebagai pihak yang menerima amanah, kita perlu pertahankan apa sahaja dasar yang telah diluluskan dan diperkenalkan kerajaan," katanya.

Khairy defends Ahmad Maslan over GST

Posted on 30 April 2015 - 09:55pm

Last updated on 1 May 2015 - 12:17am

Shahrim Tamrin

newsdesk@thesundaily.com



PUTRAJAYA: Youth and Sports Minister Khairy Jamaluddin has come out in defence of Deputy Finance Minister Datuk Ahmad Maslan over the latter being criticised over his comments about the Goods and Services Tax (GST).

During a question and answer session at the "Up Close and Personal with the Minister" event at the Razak School of Government (RSOG) yesterday, Khairy expressed support for his Umno colleague in explaining issues relating to GST.

"Imagine explaining and repeating the same thing about GST for the past one year and having to do it all over again since its implementation," said Khairy.

He said due to the close attention on GST, the deputy finance minister would always be under scrutiny from the media and public, and he could be "unfairly misquoted".

"He has to see it through (implementation of GST). Sometimes, when you talk for an hour after you already said 100 things and in the end, you may say one thing in jest. That one line may be picked it up by the media and cause negative repercussions," said Khairy, apparently in reference to Ahmad's call for UiTM students to cook their meals in their hostel rooms instead of eating out.

A local TV station reported on Wednesday that Umno leaders had advised Ahmad to stop making statements on the GST issue, especially in view of the Permatang Pauh and Rompin by-elections.

Before the session ended at RSOG, Khairy offered words of encouragement to Ahmad: "You don't quit in finishing the job. Buat sampai habis (do it all the way)."

Terima dasar kerajaan – Khairy

01 Mei 2015 1:46 AM

Like 31 Share 13 Tweet 0 Google + 0



KHAIRY JAMALUDDIN berdialog dengan peserta yang terdiri daripada penjawat awam di RSOG, Putrajaya, semalam. Photo: UTUSAN/RASHID MAHFOF

PUTRAJAYA 30 April – Penjawat awam perlu menerima dan melaksanakan setiap dasar yang dibuat kerajaan walaupun dasar tersebut tidak popular dan mendapat tentangan daripada segelintir pihak.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, contoh terbaik adalah pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bermula 1 April lalu.

Beliau berkata, walaupun tidak popular dan mendapat tentangan, GST perlu dilaksanakan dalam usaha memastikan ekonomi negara terus membangun pesat seperti mana negara maju lain yang telah lama melaksanakan sistem cukai berkenaan.

“Kerajaan boleh sahaja membatalkan GST jika mahu, tetapi bagaimana pula dengan kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Dalam hal ini kita perlu tegas dan melihat ke hadapan selain menilai segala kebaikan selepas pelaksanaannya.

“Kadang kala saya juga kasihan melihat Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan yang terus menerus menjadi sasaran walaupun niatnya baik untuk memberi penerangan berhubung GST,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam sesi Up Close and Personal bersama Menteri Belia dan Sukan anjuran Razak School of Government (RSOG) di sini hari ini.

Sesi tersebut dihadiri lebih 100 orang pegawai yang terdiri daripada pengurusan tertinggi kementerian, agensi dan juga para pegawai daripada Jawatankuasa Pegawai Tadbir dan Diplomati (PTD) Muda dan juga wakil Persatuan PTD.

Pada sesi tersebut, Khairy turut memaklumkan ketika ini ramai golongan muda terjebak dengan gejala rasuah kerana mempunyai kuasa yang diberikan melalui jawatan-jawatan tertentu.

“Golongan muda sememangnya terdedah kepada gejala rasuah. Masalah kewangan dan sikap tidak peduli juga dikatakan antara punca kepada gejala ini. Bagi mereka jika orang lain boleh menerima rasuah, jadi mengapa mereka tidak boleh turut serta.

“Dalam bidang sukan misalnya, golongan muda juga menjadi sasaran pihak-pihak tertentu untuk memberi rasuah, jadi usaha untuk membasmi perkara ini perlu diperhebatkan lagi,” katanya.



KHAIRY (kiri) berjabat dan beramah mesja dengan peserta seminar Meremajakan Perkhidmatan Awam di Razak School of Government, Putrajaya.

Tak popular tapi penting

■ Khairy tegas GST perlu diteruskan

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Setiap dasar yang diperkenalkan kerajaan perlu diteruskan biarpun ia bukan popular dalam kalangan rakyat dan mendapat tentangan sege-lintir pihak.

Itu antara intipati ucapan Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin di hadapan lebih 100 pegawai tertinggi daripada pengurusan tertinggi kementerian dan agensi serta Jawatankuasa Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Muda dan Persekutuan Perkhidmatan PTB (PTD) pada sesi 'Up Close and Personal' anjuran Razak School of Government (RSOG) di sini, semalam.

Mengambil satu contoh dasar baru diperkenalkan kerajaan, Khairy berkata, pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang diperkenalkan kerajaan pada 1 April lalu bukan satu dasar yang popular dalam kalangan rakyat.

Bagaimanapun, katanya, ia (GST) mesti diteruskan kerana menjadi satu cara kerajaan untuk mendapatkan pendapatan tambahan.

"Andai kata dasar itu dihentikan ia boleh menyebabkan rakyat hilang keyakinan terhadap kerajaan."

"Tiada siapa yang suka cukai, malah apabila GST dilaksanakan pada 1 April lalu, kerajaan sudah menjangkakan ia tidak akan menjadi isu popular," katanya.

Beliau turut mengakui

simpati apabila melihat Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan yang terus meneruskan menjadi sasaran walaupun niatnya baik untuk memberi penerangan berhubung GST.

Dalam perkembangan lain, Khairy berkata, ramai golongan muda terjebak dengan gejala rasuah kerana kerana mempunyai kuasa yang diberikan melalui jawatan tertentu untuk membuat sebarang keputusan.

Sesi dua jam itu mengupas tajuk 'Meremajakan Perkhidmatan Awam' dan topik yang terlalu dekat dengan Khairy apabila beliau menekankan beberapa cabaran yang perlu dihadapi pegawai muda untuk melakukan agenda transformasi nasional.



▶ *Now Playing* | GST: Kerajaan Sedia Hadapi Populariti Terjejas

<http://www.sinar.tv/berita/gst-kerajaan-sedia-hadapi-populariti-terjejas-1.385384>

GST: Kita tidak boleh batalkan

PUTRAJAYA - Setiap penjawat awam berperanan menerima serta melaksanakan semua dasar kerajaan walaupun dasar itu tidak popular di mata masyarakat, kata Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin.

Menjadikan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebagai contoh, beliau berkata, penjawat awam perlu terus komited bersama kerajaan bagi mempertahankan dan mempermudah pemahaman masyarakat terhadap pengenalan cukai baharu itu.

Beliau berkata, kerajaan boleh memilih untuk menjadi popular dengan membatalkan pelaksanaannya namun tindakan itu akan mengundang masalah lebih besar iaitu kerajaan kehilangan kepercayaan.

"Sedikit sebanyak pelaksanaan GST memberi kesan kepada sesetengah orang, itu kita akui tetapi sebagai kerajaan kita tak boleh batalkan pelaksanaannya begitu sahaja.

"Cuba anda bayangkan pagi esok perdana menteri keluar dan kata kita mansuhkan GST. Awak tahu apa akan berlaku...tidak ada sesiapa pun akan percaya kerajaan ini lagi," katanya ketika berucap pada program 'Up Close and Personal With The Minister' anjuran Razak School of Government (RSOG) di sini hari ini.

Sesi julung kali melibatkan seorang menteri itu dihadiri lebih 100 tetamu terdiri daripada pengurusan tertinggi kementerian dan agensi, pegawai-pegawai daripada Jawatankuasa Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) Muda serta wakil Persatuan PTD.

Pelaksanaan GST pada kadar enam peratus mula dikuatkuasakan pada 1 April lepas bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang kadarnya 16 peratus. - Bernama